



*Memo*

**LEMBAGA GETAH MALAYSIA**  
**MALAYSIAN RUBBER BOARD**

**Kepada** : Anggota LGM

**Daripada** : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia

**Rujukan** : LGM/BPPKS/UPSM/A/0047

**Tarikh** : 15 Mei 2018

**KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**

**BILANGAN 23 TAHUN 2018**

**HARI KELEPASAN AM TAMBAHAN SEMPENA PILIHAN RAYA UMUM KE-14**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Seperti sedia maklum, sempena Pilihan Raya Umum Ke-14 pada 9 Mei 2018, Kerajaan telah menetapkan hari Khamis dan Jumaat iaitu 10 dan 11 Mei 2018 sebagai hari kelepasan am tambahan bagi seluruh negara. Bagi negeri-negeri yang menjadikan hari Jumaat dan Sabtu sebagai hari kelepasan am mingguan, maka hari Ahad 13 Mei 2018 ditetapkan sebagai hari kelepasan am tambahan. Pengisytiharan cuti umum ini dibuat berdasarkan seksyen 8 Akta Hari Kelepasan 1951 bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.

3. Bagi negeri Sarawak, Kerajaan negeri Sarawak telah menetapkan hari Khamis dan Jumaat iaitu 17 dan 18 Mei 2018 sebagai hari kelepasan am. Oleh yang demikian dimaklumkan pada 10 Mei dan 11 Mei 2018 adalah hari bekerja seperti biasa bagi Negeri Sarawak. Perisytiharan cuti umum ini adalah di bawah Seksyen 5 Ordinan Hari Kelepasan Am (Bab 8 (1958)).

4. Sehubungan ini, pihak UPSM mohon kerjasama pentadbir cuti bagi mengemaskini semula rekod cuti anggota di bahagian/unit/stesen bagi tarikh-tarikh yang telah diisytiharkan sebagai kelepasan am dengan kadar segera.

Sekian, terima kasih .

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”**

**(NURUL HUDA BINTI ABDUL HAMID)**

s.k: Ketua Pengarah  
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)  
Pengarah-Pengarah Bahagian